

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 03 DISEMBER 2020**

YB TUAN HAJI KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)
SOALAN 12 (A71)

Apakah usaha kerajaan negeri untuk memperkasakan pertanian bukan komoditi sebagai sumber hasil tambahan rakyat Johor?

JAWAPAN YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI

Kerajaan Negeri sentiasa bertekad dalam memperkasakan sektor pertanian sebagai penekanan terhadap pembangunan sektor agromakanan, selain daripada pertanian komoditi. Asas Kerajaan Negeri Johor untuk meningkatkan pengeluaran makanan bagi sektor pertanian (pengeluaran tanaman makanan) adalah berdasarkan kepada Dasar Agromakanan 2011-2020. Ianya merupakan kesinambungan kepada Dasar Pertanian Negara Ketiga 1998-2010 (DPN3) bertujuan untuk meningkatkan pendapatan dan menjamin bekalan makanan. Dasar ini juga menggariskan beberapa halatuju strategik untuk memangkin golongan peladang, petani, penternak dan nelayan untuk terus menggandakan usaha dalam bidang dan kepakaran masing-masing.

Secara ringkasnya objektif utama pelaksanaan strategi Dasar Agromakanan Negara (DAN), 2011-2020 iaitu ;

- i. Menjadikan sektor pertanian sebagai sektor yang berdaya saing, kompetitif dan mampan;
- ii. Menjamin bekalan makanan yang mencukupi dan selamat dimakan;
- iii. Menyediakan bahan mentah industri yang mencukupi dan berkualiti; dan
- iv. Meningkatkan pendapatan usahawan tani ke tahap yang lebih tinggi.

Kerajaan melalui Jabatan Pertanian sebenarnya telah melaksanakan usaha-usaha yang berterusan supaya pengeluaran bahan makanan terus ditingkatkan khususnya untuk peningkatan ekonomi dalam negeri semenjak beberapa dekad yang lalu melalui program berskala besar seperti Zon Pengeluaran Makanan (ZPM), Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), pembukaan Ladang Pertanian Moden dan Pembangunan Ladang Bio Desaru. Program ZPM telah dimulakan pada tahun 1997 dan diselaraskan oleh BPEN Johor. Kebanyakan tanah-tanah ini diusahakan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK). Bagi TKPM pula, sehingga tahun 2020, Jabatan Pertanian sedang memajukan 8 (lapan) TKPM melibatkan 4 (empat) daerah seluas 450 hektar.

Pada masa yang sama golongan yang berskala kecil tidak dipinggirkan, malah terus diberi bimbingan dan bantuan melalui program-program dibawah peruntukan persekutuan dan negeri seperti Program Pembangunan Industri Pengeluaran Tanaman Makanan Utama Negeri Johor, Pembangunan Komoditi Berpotensi dan Sawah Padi, Pembangunan Industri Kelapa, Projek Fertigasi, Projek Belia Tani, Pembangunan Industri Asas Tani, Perintis Keusahawanan Johor dan Pembangunan Pertanian Lestari agar mereka terus dapat bergiat secara aktif dan berterusan untuk mengeluarkan hasil-hasil pertanian seperti buah-buahan, tanaman kontan dan sayur-sayuran dengan memaksimumkan penggunaan tanah di kawasan kebun mereka.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 03 DISEMBER 2020**

YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)

SOALAN 13 (A171)

Yayasan Warisan Johor (YWJ) merupakan jabatan yang bertanggungjawab dalam memartabatkan warisan dan budaya di negeri Johor. Apakah perancangan yang disusun oleh YWJ dalam memartabatkan lagi budaya di negeri Johor dengan norma baru hari ini?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Impak daripada pandemik Covid 19 yang melanda negara pada tahun ini terdapat beberapa gagasan idea telah diusahakan untuk meneruskan kelangsungan aktiviti anjuran Yayasan Warisan Johor dengan pendekatan norma baharu.

Inisiatif yang telah digerakkan antaranya adalah menerusi pemeraksanaan pengisian media sosial rasmi Yayasan Warisan Johor di tiga platform utama iaitu Facebook, Instagram dan YouTube.

Untuk perancangan Yayasan Warisan Johor dalam memartabatkan lagi budaya di negeri Johor dengan norma baru pada hari ini ialah melalui mekanisma penyampaian maklumat ini adalah menerusi perkongsian maklumat secara maya dan disusun dalam format videografik yang menarik serta mudah difahami.

Beberapa contoh hantaran atau "posting" telah dimuatnaik ke media rasmi kelolaan Yayasan Warisan Johor antaranya, perkongsian berkaitan koleksi-koleksi artifak Yayasan Warisan Johor, perkongsian jasa dan pencapaian beberapa figura penting yang telah menabur bakti di negeri Johor melalui segmen Tokoh Terbilang Johor, dan Program berkenaan Sajian Warisan Johor.

Melalui norma baru ini, Yayasan Warisan Johor tidak berhenti dalam merancang dan menjalankan kajian dengan masyarakat setempat menerusi Jejak Warisan Budaya (JAWAB) yang telah diadakan pada 8-10 September 2020.

Pendokumentasian ini telah berjaya memugar semula sejarah, ekonomi dan budaya di daerah negeri Johor. Contohnya seperti di Batu Pahat kajian yang telah dilaksanakan ialah sejarah aktiviti perlombongan, aktiviti budaya kesenian Hamdolok dan pembuatan keris sebagai Senjata Melayu.

Yayasan Warisan Johor juga telah berjaya melaksanakan penggambaran bagi Program Sajian Warisan Johor pada 1-14 November 2020 dimana ianya bertujuan memberi pendedahan kepada masyarakat berkenaan makanan warisan Johor.

Rakaman ini akan dimuat naik untuk tatapan umum di 'Youtube' Yayasan Warisan Johor pada bulan Disember 2020. Dalam usaha membudayakan resipi-resipi warisan Johor, satu pertandingan memasak secara online juga telah berjaya dilaksanakan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 03 DISEMBER 2020**

Penganjuran program Anugerah Sastera Johor (ASJ) secara dwitahunan merupakan usaha Kerajaan Negeri Johor menghargai dan mengiktiraf penulis-penulis Johor dalam bidang sastera dan bahasa.

Akibat kesan penularan wabak Covid-19 baru-baru ini, Yayasan Warisan Johor mengambil pendekatan perubahan strategi pelaksanaan dan penganjurannya.

Anugerah Sastera Johor pada tahun 2020 ianya memfokuskan hebahan bagi mendapatkan penyertaan dengan kerjasama rakan-rakan sinerginya. Manakala pelaksanaan proses-proses kerja seterusnya pada 2021, termasuklah peringkat penyaringan karya, agihan dan penilaian karya oleh panel penilai sehingga keputusan penuh diperolehi. Proses penilaian ini akan mengambil masa selama dua bulan dengan 25 kategori yang dipertandingkan.

Seperti penganjuran tahun-tahun lalu, ASJ telah dimajlisikan dengan kehadiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Walau bagaimanapun, pasca-covid ini memberi kesan dari segi penganjuran majlis penyampaiannya. Oleh yang demikian, keputusan penuh Anugerah Sastera Johor akan disiarkan laman web serta media sosial rasmi Yayasan Warisan Johor pada Mei 2021. Para penerima anugerah akan dimaklumkan secara rasmi oleh pihak penganjur, manakala sijil dan hadiah iringan akan dikirimkan kepada pemenang secara pos.

Pusat Dokumentasi Johor (PDJ) di bawah Yayasan Warisan Johor bertanggungjawab menyimpan dan memelihara bahan-bahan rujukan sejarah, persuratan, kesenian dan kebudayaan Johor dalam pelbagai format dan bentuk.

Justeru Projek Pendokumentasian Sejarah Secara Digital Dan Sistem Penyimpanan Maklumat menerusi pendigitalan koleksi nadir merupakan satu pelaksanaan baru yang akan dilaksanakan bermula Disember 2020 secara berterusan hingga ke tahun-tahun yang seterusnya.

Melalui norma baru ini juga YWJ telah menyusun pelbagai aktiviti dan program seperti Bengkel Kejurulatihan Tari dan Ghazal yang mana semua jurulatih daerah akan melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara atas talian di mana ianya tidak melibatkan peserta berinteraksi secara fizikal.

Antara contoh program yang telah dijalankan adalah seperti Bengkel Asas Koreografi Tari Tradisi Melayu dan Pertandingan Video Pendek Tari Zapin Johor. Dalam norma baharu ini juga, kelas perkusi yang sebelum ini dijalankan secara fizikal dan dihadiri oleh peserta, dilaksanakan secara atas talian yang mana peserta diukur oleh bilangan viewers (pemerhati). Selain itu, pertandingan Lakonan Mime (lakonan tanpa dialog) juga dilaksanakan secara atas talian. YWJ juga melaksanakan program Bual Bicara Teater Minggu ini secara atas talian iaitu melalui media sosial Yayasan Warisan Johor secara live (langsung).

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 03 DISEMBER 2020**

YB TUAN TAN HONG PIN (SKUDAI)
SOALAN 14 (A218)

Nyatakan projek naiktaraf infrastruktur Tambak Johor–Singapura dan Laluan Kedua Malaysia-Singapura yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan dalam tahun ini dengan menyatakan peruntukan yang digunakan secara terperinci.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI

Selaras dengan obligasi pihak PLUS Berhad selaku syarikat konsesi lebuhraya yang turut melaksanakan kerja penyelenggaraan di laluan Tambak Johor, peruntukkan sebanyak RM 700 Ribu telah disalurkan bagi kerja pembaikan struktur turapan jalan bagi sepanjang tahun 2020 ini yang melibatkan kawasan dari KM 0.2 hingga KM 1.2 arah selatan. Sebarang penemuan dan keperluan pembaikan di lain-lain lokasi sepanjang laluan Tambak Johor ini akan dilaksanakan secara berperingkat.

Manakala bagi Lebuhraya Hubungan Kedua Malaysia – Singapura pula, pihak PLUS Berhad telah memperuntukkan sebanyak RM 1.25 Juta bagi menambahbaik sistem pencahayaan di laluan utama lebuhraya dengan melaksanakan penggantian terhadap lampu jenis diod pemancar cahaya (LED) sedia ada kepada lampu LED yang lebih baik. Penambahbaikan ini dilakukan kerana terdapat permasalahan kualiti dan pembekalan alat ganti bagi lampu LED sebelum ini.

Peruntukkan ini turut digunakan bagi kerja pembaikan telefon kecemasan di sepanjang laluan Lebuhraya Hubungan Kedua Malaysia - Singapura yang melibatkan sebanyak 50 unit telefon kecemasan. Kini pembaikan telah siap sepenuhnya dan di peringkat ujian kefungsiian telefon kecemasan tersebut.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 03 DISEMBER 2020**

YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN 15 (A123)

Pada Sidang DUN lepas YAB MB menyatakan jumlah pengangguran di Johor adalah 173,00 orang. Berapakah kadar (%) dan jumlah pengangguran terkini dan berapa banyakkah peluang pekerjaan yang telah dicipta melalui program job matching dan reskilling & upskilling?

JAWAPAN YB DATUK MOHD IZHAR BIN AHMAD

Serangan Pandemik COVID19 memberi kesan langsung yang buruk terhadap sektor modal insan negeri Johor mahupun negara. Sepanjang tempoh pelaksanaan PKP, PKPB dan PKPP banyak operasi perniagaan mahupun perusahaan yang terpaksa menghentikan operasi mereka dan telah menyebabkan ramai pekerja yang hilang pekerjaan. Situasi ini diburukkan lagi dengan lambakan pekerja tempatan yang bekerja di Singapura yang juga telah diberhentikan kerja.

Merujuk kepada laporan Jabatan Tenaga Kerja Negeri Johor, angka terkini bagi pekerja-pekerja swasta yang telah kehilangan pekerjaan mengikut pecahan industri adalah berjumlah 4135 orang dan seramai 3334 orang pekerja tempatan di negeri Johor telah kehilangan pekerjaan sejak mula tempoh PKP dikuatkuasakan iaitu bermula pada 18.03.2020 sehingga 02.09.2020.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, berdasarkan Laporan Survei Tenaga Buruh (STB) di Negeri Johor oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran yang dicatatkan di Negeri Johor pada ST 2020 telah meningkat kepada 4.9% berbanding 3.2% pada ST1 2020 dengan bilangan penganggur yang direkodkan pada suku tersebut adalah seramai 81.2 ribu orang. Namun begitu, jumlah angka pengangguran menunjukkan satu petanda positif apabila ia menunjukkan penurunan pada ST3 2020. Selari dengan penurunan kadar pengangguran di peringkat Malaysia, pada ST3 2020, kadar pengangguran di Johor telah mencatatkan penurunan kadar kepada 3.7% dengan jumlah seramai 66.5 ribu orang penganggur.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 03 DISEMBER 2020**

YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)
SOALAN 16 (A133)

Sektor pelancongan dalam negeri perlu dipertingkatkan dengan meningkatkan fasiliti dan mewujudkan lebih banyak daya tarikan. Apakah yang dirancang oleh kerajaan negeri untuk Kluang terutamanya dalam DUN Mahkota?

JAWAPAN YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI

Sektor pelancongan merupakan industri ketiga terpenting di daerah Kluang selepas pembuatan dan komoditi. Bagi daerah Kluang, wabak pandemic COVID19 telah sedikit sebanyak memberi kesan kepada industri pelancongan itu sendiri. Walaubagaimanapun pelbagai usaha telah dirangka bagi merencanakan lagi industri pelancongan khususnya di daerah Kluang. Di **DUN Mahkota** sendiri terdapat **beberapa destinasi pelancongan yang telah dikenalpasti** dan turut mendapat perhatian pihak kerajaan Negeri dalam merangka pembangunan pelancongan daerah Kluang. Antaranya :

i) LOKASI SEDIA ADA

- Laman Kreatif
- Laman Kampung Melayu
- Kluang Railway Coffee (KTMB Kluang)
- Diamond Hills
- Wak Tunot Enterprise – (destinasi tarikan pelancong yang turut dipaparkan dalam rancangan dokumentari Jelajah Tebrau yang bersiaran pada 13 September 2020 di saluran RTM 1)
- Kluang Mall
- Homestay Limas

ii) LOKASI SEDANG DALAM PELAKSANAAN

- Laman Sungai Mengkibol

iii) CADANGAN DESTINASI PELANCONGAN BARU

- Galeri Kelawar
- Muzium Perwira
- Muzium Keretapi

PEMANTAPAN PELANCONGAN BANDAR, EKO DAN AGRO

Daerah Kluang telah merangka **6 strategi hala tuju pembangunan pelancongan bandar, eko dan agro** melalui pembangunan produk, infrastruktur, kemudahan pelancongan dan penyertaan penduduk dan urus tadbir pelancongan. Berikut merupakan 6 strategi yang tersebut :

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 03 DISEMBER 2020**

STRATEGI 1**MEMPERKUKUHKAN KLUSTER PEMBANGUNAN PELANCONGAN****i) CADANGAN KLUSTER PELANCONGAN BANDAR DAN SENI WARISAN BUDAYA**

- Pengukuhan produk dan aktiviti berasaskan perbandaran, sejarah warisan dan seni budaya di bandar-bandar lama di daerah Kluang seperti **bandar Kluang**, bandar Renggam dan pekan Paloh
- Pengekalan dan pemuliharaan bangunan-bangunan lama berciri warisan
- Pengukuhan aktiviti yang berbentuk kesenian dan kebudayaan
- Penyediaan kemudahan makanan tempatan dan menarik
- Peningkatan penyediaan infrastruktur, kemudahan sokongan dan penglibatan komuniti
- Pengukuhan aktiviti dan promosi
- Antara lokasi yang terlibat di bandar Kluang ialah Stesen Kereta Api Kluang, Kluang Rail Coffee, Laman Kreatif Kluang, Laman Pesona Kluang dan Warisan Bangunan Lama

STRATEGI 2**MEMPERKUKUH DAN MENINGKATKAN KUALITI PRODUK DAN AKTIVITI PELANCONGAN SEDIA ADA****i) CADANGAN PENGUKUHAN DAN PENGINDAHAN BANDAR SEJARAH DAN WARISAN SENI BUDAYA KLUANG**

- Meningkatkan fungsi bandar Kluang sebagai bandar transit atau bandar perhentian (*stopping point*) yang menawarkan kemudahan penginapan, makanan tempatan dan aktiviti hiburan kepada pelancong
- Beberapa cadangan yang berpotensi untuk dibangunkan di Bandar Kluang :
 - i) Menaiktaraf bangunan-bangunan lama melalui pengindahan fasa bangunan
 - ii) Pengindahan lanskap Bandar Kluang
 - iii) Mengalakkan aktiviti tidak formal di Bandar Kluang pada waktu malam – pasar malam, *flea market*, *car boot sale* serta *food truck*
 - iv) Cadangan Jejak (*Trails*) sejarah dan Warisan Bandar Kluang dengan penyediaan laluan basikal serta pejalan kaki
 - v) Penganjuran festival atau acara secara berkala

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 03 DISEMBER 2020**

ii) CADANGAN PEWARTAAN STESEN KTMB SEBAGAI KAWASAN/TAPAK BANGUNAN WARISAN KEBANGSAAN

- Cadangan pemertaaan stesen KTMB Kluang (stesen sedia ada) sebagai tapak/bangunan warisan
- Cadangan untuk guna semula (*adaptive reuse*) bangunan kereta api Kluang, antaranya :
 - i) Baikpulih dan penambahbaikan struktur bangunan dan penyelenggaraan stesen kereta api Kluang
 - ii) Penambahbaikan dan pengekaln aktiviti tidak formal kopitiam Kluang Rail Coffee
 - iii) Pembinaan galeri bagi memaparkan sejarah Kluang dan kereta api Kluang
 - iv) Penyediaan kiosk informasi pelancongan
 - v) Pembinaan kedai cenderamata dalam bentuk makanan dan kraftangan

STRATEGI 3

MEMBANGUNKAN PRODUK-PRODUK PELANCONGAN BARU

i) CADANGAN GALERI KELAWAR

- Membina galeri unik yang berasaskan Kelawar sinonim dengan nama Kluang yang diambil daripada spesies tersebut dalam bentuk pendidikan sebagai salah satu cara mengembangkan keunikan pelancongan di Kluang
- Muzium atau galeri tersebut akan dibangunkan dengan menggunakan konsep *adaptive reuse* I *urband infill* di bangunan kosong yang terdapat di bandar Kluang terutama Jalan Mersing, Jalan Station dan Jalan Dato Kapten Ahmad

ii) CADANGAN FESTIVAL KOPI KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA

- Mempamerkan sejarah kopi Kluang yang amat sinonim dengan Daerah Kluang melalui penganjuran festival kopi antarabangsa atau *coffee fest* atau *CoffeeCon* yang bertaraf *hallmark*
- Festival kopi yang mengumpuln pengusaha kopi bakal menjadi medan perkongsian, pembinaan *networking*, serta membuka peluang perniagaan di peringkat antarabangsa

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 03 DISEMBER 2020**

- Memastikan penglibatan jenama kopi terkenal seperti Starbucks dan lain-lain dengan kerjasama *World Coffee Events* (WCE) dan *Malaysian International Food & Beverage* (MIFB)

iii) CADANGAN MUZIUM PERWIRA DAN KERETA API DI BANDAR KLUANG

- Muzium ini bakal memaparkan penceritaan keselamatan dan sejarah kereta api di bandar Kluang
- Daerah Kluang mempunyai 7 badan beruniform keselamatan (Kem Mahkota, Pusat Latihan Pertahanan, Kem Paloh, Penjara Simpang Renggam, PGA dan D-Z Kahang) yang boleh diketengahkan di Muzium Perwira
- Kewujudan Stesen Kereta Api Kluang yang menjadi komponen terawal pembangunan bandar di tahun 1910 menjadi peluang untuk dijadikan sebagai aset sejarah warisan dan produk pelancongan

STRATEGI 4

MENINGKATKAN DAN MENAMBAHBAIK KUALITI KEMUDAHAN DAN INFRASTRUKTUR PELANCONGAN

i) CADANGAN PEMBINAAN PUSAT, KIOSK INFORMASI PELANCONGAN SERTA PAPAN TANDA DAN PENUNJUK ARAH PELANCONGAN

- Membina Pusat Informasi Pelancongan (TIC) atau kiosk informasi pelancongan di tempat tumpuan pelancongan untuk memberi informasi berkenaan produk/tarikan pelancongan yang terdapat di Daerah Kluang
- TIC ini bakal menyediakan kaunter pertanyaan, galeri pelancongan, penjualan produk makanan dan kraftangan tempatan dan persembahan seni budaya daerah
- Penyediaan papan tanda pelancongan (berwarna coklat), papan informasi serta tanda arah di lokasi strategik dan tumpuan pelancong

ii) CADANGAN PENYEDIAAN KEPELBAGAIAN KEMUDAHAN PENGINAPAN

- Mewujudkan kepelbagaian jenis pilihan dan pengelasan kemudahan penginapan dengan membina hotel bertaraf 4 dan 5 bintang
- Pembinaan hotel dapat menarik pasaran baru yang menyasarkan kepada pelancongan berbentuk *Meeting, Incentives, Convention and Exhibition* (MICE)

iii) CADANGAN PENGUATKUASAAN PENDAFTARAN RUMAH HOMESTAY DAN RUMAH TAMU DENGAN PBT

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 03 DISEMBER 2020**

- Kampung-kampung tradisi serta kampung tersusun yang berpotensi dari segi sumber jaya dan kesediaan penduduk dicadangkan untuk menawarkan penginapan homestay atau kampungstay yang berdaftar di bawah MOTAC
 - Menggalakkan pengusaha penginapan menjalankan pemasaran bersama dengan laman sesawang tempahan atas talian seperti booking.com, agoda.com dan sebagainya
 - Menguatkuasakan pendaftaran rumah *homestay* atau rumah tamu dengan pihak PBT
- iv) CADANGAN PENGINDAHAN PINTU MASUK DAERAH BAGI MEWUJUDKAN SUASANA SELAMAT DATANG**
- Penaiktarafan dan pengindahan lanskap di pintu masuk daerah/kawasan PBT dan lokasi tarikan tumpuan pelancongan dapat mewujudkan suasana selamat datang atau sense of welcoming di kalangan pengunjung
 - Penggunaan elemen lanskap lembut (tanaman pokok teduhan dan pokok bunga) dan kejur (pintu gerbang) boleh digunakan
- v) CADANGAN PENAMBAHBAIKAN SISTEM PENGANGKUTAN AWAM KE LOKASI-LOKASI PELANCONGAN**
- Menambahbaik sistem pengangkutan awama seperti bas serta perkhidmatan teksi atau e-hailing seperti grab ke lokasi-lokasi pelancongan bagi memudahkan kemudahsampaian atau aksesibiliti
 - Penyediaan perkhidmatan sistem bas shuttle berjadual ke lokasi-lokasi pelancongan bagi memudahkan perhubungan pelancongan ke tempat yang ingin dilawati
 - Menyediakan pas pelancong seperti trip pass yang memberi peluang pelancong untuk melawat semua tempat pelancongan dengan menggunakan pass tersebut
- vi) CADANGAN PERLUASAN PERKHIDMATAN JOHOR FREE WIFI KE LOKASI-LOKASI TUMPUAN PELANCONG**
- Pada masa ini, pengunjung dan pelancong lebih bersifat ingin berkongsi pengalaman tempat yang mereka kunjungi dengan memuatnaik gambar ke media sosial seperti Facebook, Instagram dan Twitter
 - Cadangan menambah dan memperluaskan liputan perkhidmatan Johor Free WiFi di kawasan luar bandar dan kawasan tumpuan pelancong
- vii) CADANGAN PEMASANGAN CCTV DI LOKASI HOTSPOT PELANCONGAN BAGI MENINGKATKAN LANGKAH KESELAMATAN**

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 03 DISEMBER 2020**

- Memasang sistem pengawasan CCTV di beberapa lokasi pelancongan utama (hotspot) bagi meningkatkan langkah keselamatan dan mencegah kejadian yang tidak diingini
- Cadangan pemasangan CCTV di lokasi pelancongan utama seperti :
 - Bandar Kluang – Kawasan perniagaan, Gunung Lambak, Taman Merdeka, Taman dan Laman Tasik Kluang

STRATEGI 5**PEMBANGUNAN JEJAK (*TRAILS*) DAN PAKEJ-PAKEJ PELANCONGAN****i) CADANGAN JEJAK (*TRAILS*) WARISAN SEJARAH BANDAR KLUANG DAN LAWATAN HARIAN (*DAY TRIP*) KE BANDAR KLUANG**

- Mencadangkan Jejak (*Trails*) Warisan Bandar Kluang sebagai tarikan pelancongan bandar warisan
- Produk tarikan sejarah dan warisan budaya di Kluang adalah seperti :
 - Bangunan lama
 - Kluang Railway Station
 - Kluang Coffee Powder Factory
 - Tong Huat Confectionary
 - Yuen Fatt Biscuit
 - Kluang Street Art
 - Makanan tempatan

ii) CADANGAN PAKEJ LAWATAN 3 HARI 2 MALAM

- Mencadangkan pakej lawatan yang mengintegrasikan produk pelancongan di sekitar Kluang (warisan sejarah, rekreasi dan ekopelancongan serta agro pelancongan) dengan tarikan dan produk pelancongan daerah bersempadanan
- Itinerari perjalanan dan pakej yang dicadangkan melibatkan tarikan dan destinasi pelancongan yang berasaskan makanan, rekreasi, budaya dan seni serta membeli belah

STRATEGI 6**MEMPERKUKUHKAN DAN MEMPERTINGKATKAN TADBIR URUS BERKAITAN PELANCONGAN****i) CADANGAN PENGUKUHAN PEMASARAN MELALUI SISTEM DIGITAL (E-PEMASARAN) DAN *SMART TOURISM* SELAIN PENDEKATAN KONVENSIONAL**

- Mengemaskini dan mewartar-kan produk serta aktiviti pelancongan sedia ada dan baru melalui pendekatan sistem digital seperti pemasaran dan pengiklanan dalam talian (laman sesawang PBT, Tourism Johor dan pengusaha produk)

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 03 DISEMBER 2020**

- Selain itu, penggunaan sepenuhnya laman media sosial (Facebook, Twitter, Instagram, Trip Advisor) serta aplikasi mudah alih (Tourism Apps) untuk mempromosikan produk pelancongan daerah Kluang
 - Penggunaan dwi bahasa (sekurang-kurangnya Bahasa Melayu & Bahasa Inggeris) bagi memudahkan pelancong luar mendapatkan maklumat
 - Pengemaskinian secara berkala bai memastikan maklumat yang disalurkan adalah yang terkini
- ii) CADANGAN PEMASANGAN BILLBOARD BAGI MEMPROMOSIKAN PELANCONGAN DAERAH KLUANG**
- Pemasangan papan iklan elektronik atau *billboard* di tepi lebuh raya dan persimpangan jalan merupakan antara alat promosi yang berkesan bagi menarik pengunjung ke sesuatu destinasi atau penyertaan dalam penganjuran acara pelancongan
- iii) CADANGAN PENGUKUHAN SISTEM PENGKALAN DATA PELANCONGAN**
- Data dan maklumat berkaitan pelancongan dikumpul bertujuan bagi menilai trend dan pencapaian sektoral yang lebih terperinci dan membantu dalam perancangan pembangunan dan pemasaran berkesan
 - Pengurusan data juga dapat diurus dengan efisien dan mengalakkan perkongsian maklumat data antara pengguna oleh pihak PBT. Penyebaran maklumat juga akan lebih senang dicapai oleh semua pengguna
 - Menjalankan kerjasama pintar dengan pihak industri seperti pengusaha produk, penginapan dan pengangkutan untuk menyalurkan maklumat secara berkala dan konsisten
- iv) CADANGAN PENGUKUHAN JAWATANKUASA PELANCONGAN DAERAH**
- Mengukuhkan fungsi dan peranan Jawatankuasa Pelancongan Daerah sedia ada
 - Keanggotaan ahli jawatankuasa dicadangkan bukan sahaja daripada wakil pihak kerajaan tetapi merangkumi pihak industri pelancongan, badan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti tempatan
 - Perbincangan diadakan secara berkala untuk membincangkan isu semasa pelancongan, produk atau tarikan pelancongan baru yang boleh diketengahkan, prestasi pencapaian pelancongan melalui kadar kedatangan pengunjung dan kadar menginap, perancangan dan penganjuran acara daerah bagi menarik kedatangan pelancong dan meningkatkan ekonomi setempat

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 03 DISEMBER 2020**

**YB TUAN TAN CHEN CHOON (JEMENTAH)
SOALAN 17 (A45)**

Adakah kerajaan negeri akan menaikkan jumlah bantuan kewangan bagi Skim Bantuan Am Negeri memandangkan Garis Panduan Kemiskinan (GPK) telah meningkat daripada RM960.00 sebulan kepada RM2208.00 sebulan? Sekiranya ya, bila? Jika tidak, apakah sebab-sebabnya?

JAWAPAN YB PUAN ZAITON BINTI ISMAIL

Kerajaan negeri Johor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengkaji semula kadar Skim Bantuan Am Negeri pada bulan November 2019 yang lepas. Justeru itu, Jabatan Kebajikan negeri Johor telah mencadangkan kadar Bantuan Am negeri Johor dinaikkan dari RM200.00 sebulan kepada RM300.00 sebulan mulai Tahun 2021.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 03 DISEMBER 2020**

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 18 (A195)

Apakah rancangan kerajaan di dalam membantu pelajar-pelajar, khususnya pelajar IPT yang mendiami kawasan luar bandar, sebagai pemudah cara mereka menjalani pengajian di atas talian ketika penutupan institusi-institusi pengajian berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

1. Yayasan Pelajaran Johor tiada memberikan bantuan khusus bagi Pemudah cara mereka menjalani pengajian di atas talian ketika penutupan institusi-institusi pengajian berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat.
2. Walaubagaimanapun, Pejabat Menteri Besar Johor juga melalui Yayasan Pelajaran Johor telah bersetuju untuk memberikan bantuan kewangan **RM 200 kepada 5,000 orang pelajar-pelajar Anak Johor** di mana keluarga di bawah kategori pendapatan B40 yang terkesan akibat pelaksanaan penangguhan pendaftaran secara fizikal ke Institusi Pengajian Tinggi sesi Oktober 2020 melibatkan peruntukan RM 1 juta. Pembayaran akan terus kepada Bendahari IPT untuk disalurkan kepada penerima bantuan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 03 DISEMBER 2020**

YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)
SOALAN 19 (A130)

Pemilik RMMJ/ Rumah Mampu Milik terkesan dengan pandemik COVID-19. Mereka tidak mampu untuk membayar pinjaman rumah namun tidak boleh menjual rumah kerana pemilikan bawah 5 tahun. Ini menyebabkan rumah mereka dilelong dan nama disenaraihitam. Apakah penyelesaiannya?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Untuk makluman Yang Berhormat, sebagaimana keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor di mesyuaratnya pada 11.12.2019 telah menimbang Ringkasan Mesyuarat Bil 1891/2019 bagi pelaksanaan Dasar Dan Tatacara Kerja Pindah Milik Hartanah Negeri Johor yang mana terdapat penambahbaikan berkaitan kadar fi baharu sekiranya permohonan pindah milik yang melibatkan tempoh moratorium yang masih belum tamat tempoh.

Justeru itu, permohonan pindahmilik yang kurang daripada lima (5) tahun pemilikan masih boleh dipertimbangkan melalui permohonan rayuan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Perumahan) dengan syarat dikenakan jumlah bayaran caj kelulusan mengikut tempoh pemilikan yang dibuat.

Pertimbangan rayuan ini adalah berdasarkan kepada faktor-faktor yang berikut:

- I. Bagi maksud tujuan pembiayaan perubatan yang mana penyerah perlu mengemukakan salinan laporan perubatan dari hospital kerajaan/ swasta.
- II. Bagi tujuan pembiayaan pendidikan penyerah, ahli keluarga seperti anak yang mendapat tawaran belajar. Penyerah perlu melampirkan surat tawaran dari Institusi Pengajian Tinggi.
- III. Bagi kes tindakan mahkamah atau keberhutangan yang tinggi dimana penyerah menghadapi tuntutan institusi kewangan atau pihak mahkamah adalah layak dipertimbangkan bagi mengelakan dari dikenakan tindakan undang-undang.

TEMPOH PEMILIKAN	JUMLAH CAJ (RM)
1 HARI - 1 TAHUN	1000
1 TAHUN 1 HARI – 2 TAHUN	800
2 TAHUN 1 HARI – 3 TAHUN	600
3 TAHUN 1 HARI – 4 TAHUN	400
4 TAHUN 1 HARI – 5 TAHUN	200

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 03 DISEMBER 2020**

YB TUAN GOPALAKRISHNAN A/L SUBRAMANIAM (TIRAM)
SOALAN 20 (A154)

Klinik kesihatan (Hospital) yang baru dibina bila akan beroperasi.

JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN

Klinik Kesihatan (Jenis 3) Dengan Kwarters Ulu Tiram, Johor Bahru

Projek Klinik Kesihatan (Jenis 3) Dengan Kwarters Ulu Tiram, Johor Bahru telah diluluskan di bawah Rolling Plan 3, Rancangan Malaysia Kesepuluh (RP3, RMKe-10) bagi menggantikan Klinik Kesihatan Ulu Tiram sedia ada. Projek ini sedang dalam pembinaan dan Agensi Pelaksana Projek ialah Jabatan Kerja Raya Johor.

Projek ini telah bermula pada 23 Januari 2018 dan prestasi kemajuan fizikal ialah 90%. Klinik Kesihatan Ulu Tiram yang baharu ini dijangka akan siap pada Mac 2021 dan dijangka akan mula beroperasi dan dimanfaatkan oleh penduduk sekitar mulai Mei 2021, bergantung kepada penyempurnaan penyiapan projek oleh pihak kontraktor.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 03 DISEMBER 2020**

**YB PUAN HAJAH NOR HAYATI BINTI BACHOK (MAHARANI)
SOALAN 21 (A216)**

Nyatakan jumlah permohonan yang telah diterima dan diluluskan/ditolak di bawah skim bantuan sektor pelancongan seluruh negeri Johor, termasuklah sebab-sebab utama permohonan ditolak dan respon, cabaran-cabaran, dan keberkesanan skim ini dalam menyokong industri pelancongan Johor.

JAWAPAN YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI

1. Bagi memastikan kelangsungan sektor pelancongan negeri serta membantu mereka yang terkesan, kerajaan Negeri melalui Pakej Ransangan Ekonomi Ihsan Negeri Johor 2020 telah meluluskan beberapa inisiatif berkaitan sektor pelancongan. Ianya adalah :
 - a. Pemberian Insentif *one-off* RM1,000 kepada 936 orang pemandu pelancong yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni Budaya Malaysia Negeri Johor.
 - b. Pengecualian pembayaran lesen perniagaan memberi manfaat kepada 1,031 pemilik syarikat berkaitan pelancongan dan hotel di Johor – melibatkan peruntukan sebanyak RM 894,211
 - c. Pengecualian duti hiburan bagi taman-taman tema dan pusat hiburan keluarga bagi tahun 2020 – melibatkan jumlah sebanyak RM 3 juta

2. Bagi pemberian insentif *one-off* kepada pemandu pelancong, jumlah permohonan yang telah diterima dan diluluskan adalah seramai **646** permohonan. Dengan kerjasama Kementerian Pelancongan, Senia dan Budaya (MOTAC) Johor, Tourism Johor mendapati hanya **560 orang pemandu pelancongan sahaja yang layak**. Sebab-sebab utama permohonan ditolak adalah sebagaimana berikut:
 - a. Tidak berdaftar sebagai Pemandu Pelancong dengan MOTAC Negeri Johor
 - b. Permohonan yang tidak lengkap akan ditolak
 - c. Pemohon bukan warganegara Malaysia dan tidak menetap di negeri Johor
 - d. Pemohon yang tidak mempromosikan dan membawa pelancong ke negeri Johor sahaja sehingga Februari 2020
 - e. Tidak menghadiri “upskilling course” yang akan dianjurkan pada bulan Jun 2020
 - f. Permohonan dihantar setelah tamat tarikh iaitu selepas 7 Jun 2020

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 03 DISEMBER 2020**

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)

SOALAN 22 (A98)

Mohon nyatakan jumlah Bangsa Johor yang bekerja di Singapura serta jumlah mereka yang terkesan dengan penutupan sempadan akibat pandemik Covid-19.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Panti**, Jabatan Imigresen Negeri Johor tidak mempunyai data merujuk kepada Bangsa Johor yang bekerja di Singapura memandangkan tugas pegawai Imigresen di pintu masuk negara adalah melaksanakan pemeriksaan ke atas pasport dan dokumen perjalanan serta mengawalselia pergerakan masuk dan keluar di pintu-pintu masuk yang diwartakan.

Untuk makluman Dewan yang mulia, Jumlah warganegara yang masuk dan keluar melalui Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dan Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) adalah seperti berikut:

Pergerakan masuk dan keluar warganegara melalui BSI dan KSAB **SEBELUM** pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah seperti berikut:

BULAN	BANGUNAN SULTAN ISKANDAR (BSI)		KOMPLEKS SULTAN ABU BAKAR (KSAB)		JUMLAH KESELURUHAN	
	MASUK	KELUAR	MASUK	KELUAR	MASUK	KELUAR
Januari	2,679,018	2,882,540	1,489,956	1,197,416	4,168,974	4,079,956
Februari	2,504,298	2,574,221	1,420,148	1,179,364	3,924,446	3,753,585
Mac (1 – 17 hb)	1,426,438	1,670,286	839,418	752,217	2,265,856	2,422,503
JUMLAH	6,609,754	7,127,047	3,749,522	3,128,997	10,359,276	10,256,044

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 03 DISEMBER 2020**

Pergerakan masuk dan keluar warganegara melalui BSI dan KSAB **SEMASA** pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah seperti berikut:

BULAN	BANGUNAN SULTAN ISKANDAR (BSI)		KOMPLEKS SULTAN ABU BAKAR (KSAB)		JUMLAH KESELURUHAN	
	MASUK	KELUAR	MASUK	KELUAR	MASUK	KELUAR
Mac (18 – 31 hb)	22,098	14,233	9,320	12,703	31,418	26,936
April	47,421	27,811	25,793	31,609	73,214	59,420
Mei	29,057	20,115	38,033	45,535	67,090	65,650
Jun	29,124	25,629	47,375	57,310	76,499	82,939
Julai	37,660	32,586	53,208	64,786	90,868	97,372
Ogos	41,602	37,453	51,807	67,928	93,409	105,381
September	50,832	46,568	57,026	73,476	107,858	120,044
Oktober	52,784	47,242	59,081	79,571	111,865	126,813
November (1 – 15 hb)	23,109	23,234	28,047	36,859	51,156	60,093
JUMLAH	333,687	274,871	369,690	469,777	703,377	744,648

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 03 DISEMBER 2020**

YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)
SOALAN 23 (A128)

Adakah kerajaan negeri boleh memberikan peruntukan khas sebanyak RM150,000 untuk bantuan terus diberikan kepada semua ADUN bagi membantu rakyat yang sedang dalam kesusahan akibat pandemik COVID-19 yang semakin meningkat?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Mahkota**, menerusi pelaksanaan inisiatif Ihsan Johor Siri 1, sebanyak RM1.67 juta telah diberikan kepada kesemua Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dengan peruntukan sebanyak RM20,000 untuk setiap seorang. Peruntukan tambahan sebanyak RM50,000 turut diberikan kepada Ahli Yang Berhormat EXCO untuk setiap seorang.

Pemberian peruntukan ini adalah bertujuan untuk memudahkan Ahli-Ahli Yang Berhormat membantu golongan yang terkesan dengan pandemik COVID-19.

Bagaimanapun, sebanyak RM8.545 juta telah dibelanjakan bagi tujuan bantuan makanan kepada rakyat yang terkesan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negeri Johor. Bantuan makanan ini diselarasakan bersama oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan (Bahagian Pengurusan), Majlis Agama Islam Negeri Johor, dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Selain itu, bantuan sebanyak RM1,000 telah diberikan kepada semua pesakit yang positif Covid-19 serta pemberian sebanyak RM2,000 kepada setiap keluarga waris yang meninggal dunia akibat pandemik Covid-19.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 03 DISEMBER 2020**

YB DATO' HAJI OSMAN BIN HAJI SAPIAN (KEMPAS)
SOALAN 24 (A1)

Sila nyatakan berapakah kutipan hasil wang yang dapat dipungut dan dikumpulkan dalam kategori Kumpulan Wang Yang Disatukan dari tempoh 9 bulan pertama (Januari hingga September) tahun 2020.

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 25 (A121)

Berapakah jumlah Akaun Kumpulan Wang Disatukan, Akaun Hasil Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan setakat akhir bulan Oktober 2020?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR
(Jawapan bersekali untuk soalan A1 & A121)

Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan saya menjawab bersekali soalan daripada **Yang Berhormat Kempas** (soalan A1) dan **Yang Berhormat Mengkibol** (soalan A121).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Oktober 2020 jumlah Akaun Kumpulan Wang Disatukan bagi Negeri Johor adalah sebanyak RM3.118 bilion. Daripada jumlah itu, sebanyak RM1,485.63 juta adalah Akaun Hasil Disatukan dan sebanyak RM1,633.25 juta adalah Akaun Amanah Disatukan.

Bagi kutipan hasil pula, sehingga 31 Oktober 2020 kerajaan negeri telah berjaya mengutip sebanyak RM1,397.92 juta atau 78.27% dari anggaran keseluruhan sebanyak RM1,785.99 juta dan pencapaian 91.38% bagi anggaran semakan semula sebanyak RM1,529.80.

Sebagaimana yang sedia maklum, hasil Kerajaan Negeri Johor yang terbesar adalah datangnya daripada hasil Pentadbiran Tanah. Ia mewakili sebanyak lingkungan 60% daripada kutipan hasil keseluruhan bagi negeri Johor. Walaubagaimana pun, kesan daripada penularan pandemik COVID-19 telah menyebabkan sumber-sumber ekonomi negeri terjejas termasuklah kutipan Pentadbiran Tanah.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 03 DISEMBER 2020**

YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPPIAH (BEKOK)
SOALAN 26 (A15)

Berapakah jumlah wang yang telah dibiayai oleh Kerajaan Negeri Johor untuk pakej Penjana dan Prihatin tahun ini? Apakah pakej Penjana dan Prihatin yang masih boleh digunakan lagi? Adakah inisiatif sebegini akan diteruskan untuk tahun-tahun yang akan datang?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

YB Tuan Speaker, saya mohon menjawab soalan daripada YB Bekok mengenai inisiatif PENJANA dan PRIHATIN yang telah diumumkan oleh kerajaan persekutuan.

Pada 27 Mac 2020, YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Perdana Menteri Malaysia, telah mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat bernilai RM250 bilion. Pakej ini disusuli pula Pakej "Prihatin Tambahan" sebanyak RM10 bilion untuk membantu meringankan beban kewangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Pakej rangsangan ini dapat membantu rakyat menangani kekangan kewangan akibat wabak COVID-19. Bagi menangani impak COVID-19 dan membantu rakyat dan sektor yang terkesan dengan penularan wabak itu, hampir RM128 bilion disalurkan untuk melindungi kebajikan rakyat, RM100 bilion untuk menyokong perniagaan termasuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan RM2 bilion untuk memperkukuh ekonomi negara. Sebanyak RM20 bilion telah diumumkan dalam pakej rangsangan sebelum ini.

Antara intipati Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat adalah sebagaimana berikut:

- Peruntukan tambahan RM1 bilion bagi membiayai pembelian peralatan dan perkhidmatan perang COVID-19.
- Dana khas RM8 juta diwujudkan industri dan takaful untuk tanggung kos ujian saringan COVID-19.
- Elaun khas dari RM400 kepada RM600 untuk petugas kesihatan dan perubatan. Elaun khas RM200 kepada anggota tentera, polis, kastam, imigresen, Angkatan Pertahanan Awam dan anggota RELA
- Bantuan Prihatin Nasional RM10 bilion untuk pekerja swasta, peneroka Felda, petani, nelayan, peniaga kecil dan semua yang tergolong dalam kumpulan M40 dan ke bawah sebagaimana kategori berikut :
 - RM1,600 kepada hampir 4 juta isi rumah berpendapatan bulanan RM4,000 dan ke bawah.
 - RM1,000 kepada hampir 1.1 juta isi rumah berpendapatan lebih RM4,000 hingga RM8,000.
 - RM800 kepada 3 juta individu bujang berusia 21 tahun ke atas dan berpendapatan bulanan RM2,000 dan ke bawah.
 - RM500 kepada 400,000 individu bujang berusia 21 tahun ke atas yang berpendapatan bulanan lebih RM2,000 hingga RM4,000.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 03 DISEMBER 2020**

- Bantuan Sara Hidup (BSH) yang sedang dilaksanakan dibayar pada Julai 2020 melibatkan peruntukan RM3.2 bilion.
- RM200 bayaran one-off kepada pelajar institut pengajian tinggi.
- Peruntukan RM25 juta bantuan makanan dan barangan penjagaan kesihatan kepada golongan mudah terjejas seperti warga emas dan kanak-kanak di rumah perlindungan, orang kurang upaya atau OKU, golongan gelandangan dan orang asal.
- Pengeluaran prapersaraan dari akaun B Skim Persaraan Swasta sehingga berjumlah RM1,500.
- Pengecualian bayaran sewa Projek Perumahan Rakyat dan Perumahan Awam kepada enam bulan
- Pengecualian sewaan premis milik Kerajaan Persekutuan
- Diskaun tambahan penggunaan kadar elektrik.
- Bantuan tunai RM500 secara one-off kepada lebih 1.5 juta penjawat awam
- RM500 secara one-off kepada lebih 850,000 pesara
- Peruntukan RM1 bilion untuk Dana Jaminan Makanan
- Peruntukan RM100 juta sediakan kemudahan infrastruktur tempat penyimpanan dan pengagihan makanan serta program integrasi tanaman
- Dana khas antara RM100,000 hingga RM200,000 kepada setiap Pertubuhan Peladang Kawasan dan Pertubuhan Nelayan Kawasan Program Subsidi Upah
- RM600 sebulan bagi setiap pekerja berpendapatan RM4,000 untuk tempoh tiga bulan
- Bayaran one-off RM500 kepada 120,000 pemandu e-hailing.
- Peruntukan RM110 juta untuk kontraktor perkhidmatan pembersihan dan bekalan makanan bermasak
- Dana tambahan RM4.5 bilion bagi membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana
- Kemudahan skim jaminan berjumlah RM50 bilion bagi tujuan membiayai keperluan modal kerja
- Peruntukan RM2 bilion untuk projek-projek kecil kontraktor Kelas G1 hingga G4 di Sabah dan Sarawak

Seterusnya, Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) telah diumumkan oleh YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Perdana Menteri Malaysia pada 5 Jun 2020. Objektif utama PENJANA adalah mewujudkan pekerjaan dan membendung pengangguran, memastikan keupayaan berbelanja dan aliran tunai, digitalisasi dan operasi dalam norma baharu dan meningkatkan keyakinan pengguna dan pelabur

Di bawah PENJANA, kerajaan pusat telah mengenalpasti 3 teras utama dalam usaha menjana semula ekonomi Negara iaitu memperkasakan rakyat, melonjakkan perniagaan dan merangsang ekonomi. Pelan PENJANA mempunyai 40 inisiatif bernilai RM35 bilion bagi memacu kembali ekonomi Malaysia ekoran pandemik COVID-19.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 03 DISEMBER 2020**

Bagi teras memperkasakan rakyat, Kerajaan mensasarkan untuk melindungi pekerjaan dan meningkatkan kemahiran, disamping memastikan rakyat mampu berdikari. Antara langkah-langkah yang dilakukan kerajaan dalam teras pertama adalah :

- Pelanjutan Program Subsidi Upah kepada tiga bulan lagi dengan kadar subsidi RM600.
- Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan yang berjumlah RM1.5 bilion di mana syarikat akan diberikan insentif kewangan apabila menggaji penganggur (jumlah bergantung kepada umur) diberikan selama 6 bulan.
- Bantuan one-off sebanyak RM300 kepada golongan OKU dan ibu tunggal. Geran kepada NGO yang membantu golongan terbabit juga akan diberikan.
- Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran sebanyak RM2 bilion bagi melaksanakan program latihan dan kemahiran bagi golongan belia dan penganggur.
- Pelindungan Sosial dan Latihan bagi pekerja ekonomi gig diwujudkan dengan geran berjumlah RM50 juta dalam bentuk dana padanan dan RM25 juta kepada MDEC bagi program Global Online Workforce (GLOW).
- Insentif Pengaturan Kerja Fleksibel bagi menggalakkan pengaturan kerja dari rumah dengan dana sebanyak RM800 juta.
- Subsidi Penjagaan Anak melalui pemberian eBaucar sebanyak RM800 untuk mendapatkan pengasuh mobil dan pemberian geran secara one-off sehingga RM5,000 untuk pengendali taska.
- Pas perjalanan pengangkutan awam tanpa had MY30 sebanyak RM30 sebulan.
- Penambahan peruntukan untuk Skim Kesihatan Peka B40 sebanyak RM50 juta.

Bagi Teras kedua iaitu teras melonjakkan perniagaan dilaksanakan bagi meningkatkan semula produktiviti industri perniagaan dan pekerja yang dan secara automatiknya mampu membangunkan semula ekonomi negara.

Antara langkah-langkah yang diambil kerajaan dalam teras kedua ini ialah:

- Geran sebanyak RM700 juta bagi menggalakkan pendigitalan operasi oleh PKS dan Syarikat di Peringkat Pertengahan (MTC).
- Pembiayaan PKS PENJANA sehingga RM500,000 setiap syarikat PKS.
- RM1 bilion pembiayaan pelancongan PENJANA bagi membantu sektor pelancongan.
- Pembiayaan Mikro Kredit PENJANA dengan pinjaman sehingga RM50,000.
- Pembiayaan Mudah Bumiputera berjumlah RM200 juta kepada perniagaan bumiputera dan pinjaman modal kerja berjumlah RM300 juta untuk membantu para usahawan.
- Skim SME-Go bagi membantu aliran tunai PKS berjumlah RM1.6 bilion.
- Potongan cukai untuk perbelanjaan berkaitan COVID-19.
- Sokongan untuk meringankan beban kewangan perniagaan melalui pemberian remisi penalti sebanyak 50%, pelanjutan pemberian potongan cukai khas, pelanjutan elaun bagi modal dipercepatkan.
- Menyediakan geran padanan melalui Malaysian Global Innovation & Creativity (MaGIC) berjumlah RM10 juta.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 03 DISEMBER 2020**

- Rebat cukai pendapatan RM20,000 setahun selama 3 tahun dan pengecualian duti setem sehingga 30 Jun 2021.

Untuk teras yang ketiga pelan jana semula ekonomi ini (merangsang ekonomi) kerajaan berhasrat untuk menyediakan sokongan sektoral dan sistemik bagi membantu beberapa sektor ekonomi yang terkesan akibat wabak COVID-19. Langkah-langkah yang diumumkan di dalam teras ketiga ini adalah seperti berikut:

- Kempen Pemilikan Rumah (HOC) akan diperkenalkan semula dengan pengecualian duti setem bagi rumah bernilai RM300,000 – RM2.5juta dan pengecualian Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) sehingga 31 Disember 2021. Had pembiayaan rumah ke-3 tidak lagi tertakluk 70% daripada nilai rumah.
- Insentif Cukai untuk Pembelian Kereta melalui pengecualian cukai jualan sebanyak 100% untuk kereta penumpang pemasangan tempatan dan 50% bagi kereta penumpang import.
- Pengecualian cukai pelancongan mulai 1 Julai 2020 hingga 30 Jun 2021.
- Dana Penjana Nasional sebanyak RM600 juta bagi memacu proses pendigitalan perniagaan dan inovasi.
- Pemberian e-Penjana iaitu kredit e-dompet berjumlah RM50.
- Bantuan berjumlah RM225 juta untuk sektor seni, budaya, hiburan, pameran, dan acara.
- Skim Pembiayaan Mikro Agromakanan sebanyak RM350 juta.

Oleh yang demikian, kerajaan negeri amat menyokong langkah kerajaan pusat dalam melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) bernilai RM250 bilion, pakej PRIHATIN TAMBAHAN sebanyak RM10 bilion serta Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bernilai RM35 bilion demi mensejahterakan rakyat dan ekonomi Malaysia pasca pandemik COVID-19.

Untuk makluman YB Bekok, pelan PENJANA dan PRIHATIN ini adalah menggunakan peruntukkan kerajaan persekutuan dan pemantauan sentiasa di lakukan oleh unit LAKSANA di bawah Kementerian Kewangan Malaysia. Kerajaan Negeri Johor telah mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Negeri Johor 2020 berjumlah RM174.5 juta dan RM28.74 juta diperuntukkan untuk Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Negeri Johor Siri 2. Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Negeri Johor 2020 ini adalah menggunakan peruntukkan kerajaan negeri Johor.

Daripada RM174.5 juta yang diperuntukkan untuk menjayakan pelaksanaan 54 inisiatif melalui peruntukan kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ). Selain itu, RM28.74 juta diperuntukkan untuk Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Negeri Johor Siri 2. Daripada jumlah itu, sebanyak RM11.19 juta diperuntukkan inisiatif Bantuan Tunai Ihsan Johor dan RM126.47 juta untuk inisiatif meliputi sektor modal insan, pelancongan, pembinaan, perniagaan dan lain – lain lagi.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 03 DISEMBER 2020**

YB TUAN HAJI SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI (PALOH)
SOALAN 27 (A134)

Apakah inisiatif yang diambil oleh kerajaan dalam memastikan isu pekerjaan rakyat Johor yang berkerja di Singapura dapat diselamatkan semasa pandemik COVID-19?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Paloh**, kerajaan negeri mengambil beberapa inisiatif dalam usaha membantu golongan pekerja yang terjejas, terutamanya bagi mereka yang bekerja di Singapura akibat pandemik COVID-19.

Antara inisiatif yang telah dilakukan dan sedang dipergiatkan di bawah Unit Strategik Modal Insan adalah:

Pertama, penganjuran Program Minggu Kerjaya Johor yang telah berlangsung pada 21 hingga 23 September 2020 dengan penglibatan seramai 30 majikan dari pelbagai sektor industri dengan tawaran pekerjaan sebanyak 1,120 jawatan kosong.

Program ini dijalankan secara serentak di tiga (3) lokasi meliputi tiga (3) zon, iaitu Zon Utara di Dewan Maharani Muar (Stadium Muar), Zon Tengah di Pejabat Tenaga Kerja Kluang dan Zon Selatan di Galleria @ UTC Johor Bahru.

Sesi temuduga pada kali ini dijalankan secara atas talian di mana hanya pencari kerja sahaja hadir ke lokasi manakala majikan akan berada di premis masing-masing. Ini merupakan adaptasi penggunaan digital dan normal baharu bagi mengelakkan penularan wabak Covid-19.

Selain itu, para pencari kerja juga boleh mendapatkan maklumat kekosongan jawatan lain menerusi ruang media sosial jabatan iaitu Facebook: Unit Strategik Modal Insan Johor atau Perhubungan Industri Unit SMI yang akan dikemaskini dari semasa ke semasa.

Kedua, pelaksanaan Program Johor Upskilling & Reskilling di bawah Unit Strategik Modal Insan Johor. Hebahan bagi mendapatkan penyertaan peserta untuk Program *Johor Upskilling and Reskilling* (dengan izin) juga telah dibuat bermula 1 September 2020 yang lalu menerusi laman sosial Facebook dan turut dihebahkan juga kepada Pejabat-Pejabat Daerah, Pejabat-Pejabat Dun dan Penyelaras-Penyelaras DUN.

Program ini turut menawarkan sebanyak 16 kursus latihan kemahiran dan terbuka kepada semua warga Johor dengan keutamaan diberikan kepada pekerja yang telah diberhentikan pekerjaan akibat pandemik Covid-19 serta mereka yang tidak bekerja selama 1 tahun.

Terdapat 16 kursus ditawarkan, iaitu, Kursus Keselamatan Tapak Bina, Kursus Kimpalan, Kursus Pemasangan dan Penyelenggaraan Elektrik, Kursus Pemasangan & Penyelenggaraan Penyaman Udara, Kursus Pemasang Perancah Tahap Asas, Kursus

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 03 DISEMBER 2020**

Operasi Logistik Pelabuhan, Kursus Pengurusan Operasi Bangunan, Kursus *Gas Pipe Fitting* (dengan izin), Kursus Sistem Bangunan-Industri, Kursus Perniagaan Peruncitan, Kursus Logistik Pergudangan, Kursus Operasi Pelabuhan, Kursus Koordinator Landskap Pembinaan, Kursus Pembantu Kesihatan, Kursus Operator Kren dan Kursus *Internet Of Things (Electrical Instrumentation)* (dengan izin).

Ketiga, Program Insan Johor di bawah Unit SMI turut dianjurkan dengan menyediakan bantuan peralatan perniagaan serta latihan asas kepada para peserta. Seramai 400 peserta telah berjaya memperoleh bantuan melalui pakej bantuan peralatan yang di berikan iaitu:

BIL	PAKEJ BANTUAN	BILANGAN PESERTA
1	PAKEJ AGRO	35
2	PAKEJ AUTOMOTIF	42
3	PAKEJ GUNTING RAMBUT	24
4	PAKEJ MESIN JAHIT	94
5	PAKEJ MAKANAN & MINUMAN	205
JUMLAH		400

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 03 DISEMBER 2020**

YB TUAN HAJI KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)
SOALAN 28 (A69)

Berdasarkan jawapan pada sidang yang lepas, dimaklumkan sebenarnya penduduk Kampung Petani Jalan Minyak Beku telah mengemukakan masalah hak milik tanah tersebut kepada YAB Menteri Besar semenjak tahun 2012. Adakah kerajaan negeri bersedia untuk membantu penduduk di sini mendapat hak milik?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Yang Dipertua dan ahli yang berhormat sekalian, Pentadbiran Tanah Johor komited dalam melaksanakan inovasi penyampaian perkhidmatan '*Innovation in Delivery System*' (dengan izin) berasaskan Penunjuk Prestasi Utama '*Key Performance Indicator*' (KPI) (dengan izin).

Salah satu daripada fokus utama di bawah KPI Pentadbiran Tanah Johor adalah melalui objektif tindakan 'Penyelesaian Isu Permohonan, Pendudukan dan Penerokaan Tanah'.

Sehubungan dengan itu, khusus bagi Kampung Petani ini, berdasarkan kepada siasatan yang telah dilaksanakan oleh Pentadbiran Tanah Johor mendapati bahawa, kawasan perkampungan ini terletak di sebelah kanan Jalan Batu Pahat ke Minyak Beku, berada di Mukim Simpang Kanan, kategori tanah adalah Tanah Bandar kategori B (Gazet No.265 bertarikh 26.12.2004) yang dirizabkan bagi tujuan awam dan mempunyai keluasan lebih kurang 12.14 hektar (30 ekar).

Pendudukan di kawasan Kampung Petani ini pula dianggarkan sudah bermula sejak 30 tahun yang lalu. Terdapat lebih kurang 460 buah rumah kediaman yang terdiri daripada jenis separuh kekal dengan anggaran bilangan penduduk seramai 1,900 orang.

Kebanyakan rumah-rumah kediaman telah dibina oleh penduduk di atas tanah berhakmilik, Rizab Jalan dan juga Rizab JKR. Terdapat 15 buah rumah kediaman yang dibina di atas Rizab JKR, 25 buah rumah kediaman lagi dibina di atas Rizab Jalan. Manakala, selebihnya dibina di atas tanah-tanah berhakmilik di mana penghuni rumah berkenaan menyewa tapak dengan Tuan tanah tersebut. Majoriti penduduk yang mendiami kawasan perkampungan ini terdiri daripada orang Melayu. Kedudukan rumah-rumah di kawasan perkampungan ini tidak tersusun dan terancang.

Untuk makluman dewan yang mulia, sehingga kini Pentadbiran Tanah Johor tiada menerima sebarang cadangan permohonan untuk membuat penyusunan semula rumah-rumah dan memberi hak milik kepada penduduk Kampung Petani. Di samping itu, isu perkampungan ini juga tidak pernah dibangkitkan di dalam mana-mana mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah Batu Pahat.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 03 DISEMBER 2020**

Walau bagaimanapun, sekiranya ada cadangan untuk permohonan membuat penyusunan semula dan pemberian hak milik kepada penduduk perkampungan ini, proses permohonan dan juga prosedur yang perlu dipatuhi adalah sebagaimana menurut Seksyen 42, 43 dan 76 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965. Dalam konteks Kerajaan Negeri Johor, kurniaan tanah hendaklah dibaca bersama Kaedah-Kaedah Tanah Johor (Pindaan) (No.1) 2004.

Oleh yang demikian, semua permohonan tanah Kerajaan hendaklah di rujuk ke Pejabat Tanah Daerah yang berkenaan dengan mendapatkan borang permohonan tanah (Borang Jadual 1) dan seterusnya mengemukakan permohonan rasmi ke Pejabat Tanah Daerah yang berkenaan bagi dibawa untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 03 DISEMBER 2020**

YB TUAN TEE BOON TSONG (SENAI)
SOALAN 29 (A163)

Berapakah lot permohonan tanah Kampung Baru, Kampung Tradisional dan Kampung Melayu yang belum diluluskan di setiap daerah?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Senai**, bagi penyelesaian permohonan tanah kerajaan, Pentadbiran Tanah Johor responsif dan komited untuk menyelesaikan sebanyak 8,700 permohonan pemohon tanah berkelompok yang melibatkan sembilan (9) buah daerah secara berperingkat yang melibatkan empat kampung di daerah Johor Bahru, dua kampung di daerah Kulai, satu kampung di daerah Kota Tinggi, enam kampung di daerah Segamat, dua kampung di daerah Tangkak, lapan kampung di daerah Batu Pahat, dua kampung di daerah Kluang, satu kampung di daerah Pontian dan dua kampung di daerah Mersing.

Berdasarkan kepada 8,700 permohonan pemohon tanah berkelompok tersebut, Pentadbiran Tanah Johor telah berjaya menyelesaikan sejumlah 1,596 permohonan pemohon. Manakala sejumlah 4,609 permohonan pemohon tanah secara berkelompok yang melibatkan lapan (8) buah kampung di daerah Segamat, Batu Pahat dan Kluang telah sedia untuk dibawa pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.

Baki daripada permohonan tersebut adalah di dalam tindakan pelaporan jabatan-jabatan teknikal, kuiri-kuiri bagi dokumen yang tidak lengkap serta terdapat juga permohonan yang ditolak di peringkat Pentadbiran Tanah Daerah kerana pemohon-pemohon yang tidak menepati kelayakan sebagaimana perundangan dan pekeliling yang berkuatkuasa.

Walau bagaimanapun, Pentadbiran Tanah Johor komited untuk menyelesaikan baki permohonan pemohon ini melalui tindakan *taskforce* (dengan izin) dan dijangka akan diselesaikan pada tahun hadapan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 03 DISEMBER 2020**

YB KAPT (B) HAJI NAJIB BIN LEP (BUKIT PASIR)
SOALAN 30 (A178)

Masyarakat asnaf terutama yang memerlukan bantuan perumahan sering menghadapi permasalahan berkaitan status geran tanah. Apakah inisiatif kerajaan negeri Johor bagi membantu serta menggalakkan masyarakat melakukan pecah tanah agar kesulitan seperti ini tidak kerap kali berulang terutama bagi golongan berpendapatan rendah?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Bukit Pasir**, permohonan pecah bahagian ini adalah berbeza dengan pecah sempadan tanah. Pecah sempadan adalah apabila satu keping tanah dipecah kepada dua atau lebih bahagian di mana selepas proses pecah sempadan ini nama tuan tanah akan dimasukkan semula ke dalam kesemua hakmilik baru yang terhasil tersebut.

Berbeza dengan pecah bahagian iaitu ia adalah bertujuan untuk menghentikan pemilikan bersama bagi membolehkan setiap tuan tanah memiliki dokumen hakmilik masing-masing berdasarkan keluasan tersendiri.

i. Pentadbiran Tanah

Proses ini dibuat melalui Seksyen 140-142 KTN. Pemilik-pemilik tanah hendaklah melantik Jurukur Berlesen bagi proses tersebut dan *Fee* (dengan izin) yang akan dikenakan kepada pemohon adalah RM100.00 untuk pendaftaran permohonan di Pentadbir Tanah Daerah. Tiada dikenakan bayaran premium kerana tidak berlakunya ubah syarat.

ii. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Sekiranya permohonan ini perlu dibuat beserta dengan ubahsyarat nyata tanah, maka pemilik tanah hendaklah mengemukakan permohonan melalui Pihak Berkuasa Tempatan terlebih dahulu bagi tujuan proses pecah bahagi dan ubahsyarat secara serentak melalui Serahbalik Kurniasemula dan pemilik tanah juga akan tertakluk kepada caj pemajuan sebanyak 10% daripada nilai ubahsyarat.

iii. Jurukur Berlesen

Kos yang akan dikenakan kepada pemilik tanah akan meningkat tidak termasuk bayaran perkhidmatan Jurukur / Perunding ukur yang dianggarkan sebanyak RM15,000.00 serta kadar bayaran premium ubahsyarat tanah yang pada masa ini tidak mampu ditanggung oleh pemilik tanah.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 03 DISEMBER 2020**

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 31 (A193)

Adakah kerajaan mempunyai rancangan di sekitar bandar Batu Pahat di dalam usaha menempatkan semula penduduk di kawasan setinggan, khasnya di Kampung Pinang Malan, Batu Pahat, di mana kedudukannya di tepian Sungai Batu Pahat dan sering dilanda banjir kilat?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Penggaram**, Pentadbiran Tanah Johor komited dalam melaksanakan inovasi penyampaian perkhidmatan '*Innovation In Delivery System*' (dengan izin) berasaskan Penunjuk Prestasi Utama '*Key Performance Indicator*' (dengan izin). Salah satu daripada fokus utama di bawah Pentadbiran Tanah Johor adalah melalui objektif tindakan 'Penyelesaian Isu Permohonan, Pendudukan dan Penerokaan Tanah'.

Sehubungan dengan itu, berdasarkan kepada siasatan yang telah dijalankan oleh Pentadbiran Tanah Johor mendapati bahawa kawasan Kampung Pinang Malan ini terletak di tepi Sungai Batu Pahat bersempadan dengan Taman Nira, Batu Pahat. Kawasan penempatan ini berkeluasan lebih kurang 1.4278 hektar (3.5281 ekar) dan status tanah adalah Rizab Sungai di bawah seliaan dan jagaan Jabatan Pengairan dan Saliran Johor (JPS).

Penempatan Kampung Pinang Malan ini adalah merupakan waris penduduk asal dari Kampung Low Piak yang berpindah apabila Kampung Low Piak dijadikan pembangunan untuk Taman Nira.

Terdapat lebih kurang 50 buah rumah di penempatan ini dengan anggaran bilangan penduduk seramai 200 orang. Penduduk asal Kampung Low Piak telah mendapat rumah di Taman Nira sebagai pampasan iaitu setiap sebuah keluarga telah mendapat pampasan sebuah rumah. Manakala waris yang lain dari keluarga tersebut telah membuat penempatan baru di Kampung Pinang Malan.

Untuk makluman dewan yang mulia, pencerobohan serta penerokaan tanah kerajaan atau tanah rizab merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara yang mana jika disabit kesalahan, pesalah boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500,000.00 atau tidak lebih lima (5) tahun penjara atau kedua-duanya sekali.

Tanah Kerajaan termasuklah semua tanah yang dipegang oleh pihak Kerajaan Persekutuan atau Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan atau Pihak Berkuasa Berkanun. Kawasan penempatan yang tidak berisiko tinggi, penduduk setinggan yang layak, boleh diperakukan untuk diberikan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) berdasarkan

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 03 DISEMBER 2020**

sokongan dan ulasan jabatan teknikal seperti Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor, Jabatan Kerja Raya, Pihak Berkuasa Tempatan dan sebagainya.

Berdasarkan kepada semakan Pentadbiran Tanah Johor mendapati bahawa kawasan Kampung Pinang Malan ini terletak berhampiran dengan Sungai Batu Pahat, sering dinaiki air apabila berlakunya kejadian air pasang di Sungai tersebut.

Ini menunjukkan bahawa kawasan ini sangat tidak bersesuaian untuk dijadikan penempatan penduduk. Kerajaan negeri lebih teliti dalam menimbangkan permohonan-permohonan tanah. Ini termasuk memastikan tanah-tanah yang hendak dikurniakan bukan tanah yang bermasalah seperti terletak di kawasan yang kerap mengalami banjir yang akan menyebabkan pemohon yang diluluskan kurniaan tanah tidak menghargai tanah yang dikurniakan.

Sehubungan dengan itu, bagi kawasan penempatan yang menduduki kawasan yang berisiko tinggi seperti Kampung Pinang Malan ini, tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 425 KTN akan dilaksanakan bagi memindahkan penduduk ke kawasan penempatan baru yang akan disediakan oleh kerajaan.

Walau bagaimanapun, buat masa ini tiada apa-apa perancangan bagi penempatan semula penduduk di kawasan Kampung Pinang Malan. Pentadbir Tanah daerah Batu Pahat dengan kerjasama Pejabat aderah Batu Pahat akan memperhalusi sebarang bentuk cadangan daripada Yang Berhormat serta penduduk tempatan berkenaan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 03 DISEMBER 2020**

YB TUAN IR. DR. FAIZUL AMRI BIN ADNAN (SEROM)
SOALAN 32 (A111)

Apakah statistik gangguan bekalan air dan punca-punca yang dikenalpasti oleh pihak SAJ dan tindakan kerajaan negeri bagi menyelesaikan isu bekalan air yang sering terputus khususnya bagi daerah Tangkak?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Serom**, statistik aduan gangguan bekalan air yang direkodkan oleh Ranhill SAJ bagi tempoh 1 Januari 2019 sehingga 15 November 2020, khusus di kawasan Tangkak adalah sebanyak 22 kes berpunca daripada terputus bekalan TNB di loji-loji rawatan air, sebanyak 11 aduan adalah insiden paip utama pecah dan sejumlah 250 aduan adalah daripada kejadian paip retikulasi pecah.

Pihak Ranhill SAJ mempunyai beberapa pelan perancangan jangka panjang bagi memastikan bekalan air di daerah ini dapat disalurkan secara berterusan, termasuk membina tangki simpanan berkapasiti 5.0 juta liter di Parit Kassan serta cadangan pembinaan tangki berkapasiti 2.5 juta liter di Sengkang telah dirancang dan dalam proses reka bentuk oleh Jurutera Perunding.

Bagi masalah paip-paip lama yang kerap pecah, program penggantian paip-paip lama di seluruh negeri Johor, termasuk di daerah Tangkak sedang dilaksanakan secara berperingkat.

Perlaksanaannya telah disusun mengikut keutamaan dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2027.